

PEMBERITAHUAN PENTING

Sila simpan Kad Jaminan Perkhidmatan yang dicetak pada muka surat akhir buku Panduan Penggunaan dan Pemasangan ini dan pastikan mendaftar jaminan ini di www.panasonic.com.my

IMPORTANT NOTICE

Please retain the warranty card printed on the last page of this booklet and ensure to register the warranty online at www.panasonic.com.my

重要通知


请保留印刷在这本小册子最后一页的保修卡并确保在线上www.panasonic.com.my登记保修。

Panasonic®

Pancuran Mandi Elektrik Electric Home Shower 电热花洒器

No. Model
Model No.
型号

DH-3MP1 / DH-3MP2

**B.MALAYSIA****Panduan Penggunaan****(termasuk Panduan Pemasangan)**

2 - 11

ENGLISH**Operating Instructions****(Installation Instructions included)**

12 - 21

中文**使用说明书****(包括安装说明)**

22 - 31

Terima kasih kerana memilih Pancuran Mandi Elektrik Panasonic. Produk ini hanya untuk kegunaan di rumah sahaja. Sila baca semua arahan ini dengan teliti demi keselamatan dan penggunaan yang optimum dan simpan Panduan Penggunaan ini di tempat yang selamat untuk rujukan di masa hadapan.

Thank you for purchasing the Panasonic Electric Home Shower. This appliance is intended for household use only. For optimum performance and safety, please carefully read this Operating Instructions and keep this documentation in a safe place for future reference.

感谢您购买Panasonic电热花洒器，此产品只供家庭使用。为了确保正确使用及维护您的安全，请详细阅读此使用说明书，并保持在安全的地方以供未来参考。

KANDUNGAN

	No. Muka surat
SEBELUM MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK	2
1. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN	2
2. MENGENALI BAHAGIAN-BAHAGIAN	4
3. AKSESORI	4
CARA-CARA MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK	5
1. CARA-CARA MENGGUNAKANNYA	5
2. CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR	5
3. PENYENGGARAAN	6
4. PANDUAN KEROSAKAN	7
5. SPESIFIKASI	7
CARA MEMASANG PANCURAN MANDI ELEKTRIK	8
1. SEBELUM PEMASANGAN DIBUAT	8
2. CARA MEMASANG	8
3. CARA-CARA MENGUJI	11
KAD JAMINAN PERKHIDMATAN	Muka Surat Akhir

SEBELUM MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK

1. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

Sila patuhi sepenuhnya

Sila baca langkah-langkah keselamatan berikut dengan teliti sebelum menggunakan produk:

Untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kecederaan kepada diri sendiri dan orang lain atau kerosakan harta benda, arahan yang berikut hendaklah dipatuhi.

- Penyalahgunaan disebabkan kegagalan untuk mematuhi arahan yang berikut akan menyebabkan kecederaan atau kerosakan. Tahap keseriusannya boleh dibahagikan seperti yang berikut:



AMARAN

Penunjuk ini memberi amaran tentang kematian atau kecederaan parah.



PERHATIAN

Penunjuk ini memberi amaran tentang kecederaan pengguna atau kerosakan harta benda.

- Arahan yang perlu dipatuhi boleh dibahagikan kepada simbol-simbol yang berikut:



Simbol ini (dengan latar belakang putih) menunjukkan perbuatan yang **DILARANG**.



Simbol ini (dengan latar belakang hitam) menunjukkan perbuatan yang **WAJIB DILAKUKAN**.

AMARAN

! Jangan gunakan unit ini sekiranya anda mendapati sebarang kerosakan atau keadaan luar biasa berlaku dan pastikan Pemutus Litar Elektrik berada dalam keadaan "OFF". (Risiko berasap/kebakaran/kejutan elektrik/melecur)

Contoh kerosakan/keadaan luar biasa

Sila hubungi wakil penjual anda dengan segera untuk penyenggaraan/pembaikan.

- Tuas Set Semula ELB tidak boleh berfungsi walaupun anda tolak ia ke atas atau Tuas Set Semula ELB terus menggelongsor ke bawah semasa kendalian. Sila rujuk ke bahagian no. 3. CARA-CARA MENGUJI di muka surat 11.
- Bau sesuatu terbakar atau asap keluar semasa kendalian.
- Penutup Set/Penutup Belakang berubah bentuk atau panas yang luar biasa.
- Suhu air pancuran menjadi terlalu panas dan tidak dapat di kawal dengan menggunakan Tombol Kawalan Kuasa.



Unit ini perlu dibumikan.

Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.



- Pastikan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dimatikan sebelum penyenggaraan.



- Semasa berlaku kilat/petir, matikan Pemutus Litar Elektrik terlebih dahulu untuk melindungi Unit Pancuran Mandi anda dari sebarang kerosakan.



- Pemeriksaan ke atas Pemutus Litar Bocor ke Bumi (ELB) terbina hendaklah dilakukan sebulan sekali untuk mengelakkan bahaya kepada pengguna seperti kerosakan kepada harta benda, kecederaan parah atau kematian. Sila rujuk ke bahagian no. 3. CARA-CARA MENGUJI di muka surat 11.



- Setiap kali pancuran air dimulakan, periksa suhu air dengan tangan sebelum mandi.



- Semasa Pancuran Air Mandi digunakan oleh golongan seperti kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan orang cacat anggota, orang yang mendampingi mereka adalah dinasihatkan supaya memeriksa suhu pancuran dengan tangan dari semasa ke semasa.



- Beri perhatian kepada suhu pancuran apabila mengurangkan pengaliran air. Suhu pancuran akan menjadi sangat panas sekiranya pengaliran air terlalu rendah.



- Produk ini tidak boleh digunakan oleh pengguna (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal atau mental, atau kekurangan pengalaman dan pengetahuan, kecuali diberikan arahan atau panduan tentang produk oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka. Kanak-kanak hendaklah diawasi untuk memastikan bahawa mereka tidak bermain dengan produk.



- Jika Tuas Set Semula ELB tidak boleh berfungsi walaupun anda tolak ia ke atas atau Tuas Set Semula ELB terus menggelongsor ke bawah semasa kendalian, jangan gunakan Unit tersebut dan sila hubungi wakil penjual dengan segera. Jangan mengikat Tuas Set Semula ELB secara paksa dengan pita pelekat dan sebagainya.




- Jangan masukkan jari atau objek lain ke dalam unit pancuran mandi elektrik untuk mengelakkan bahaya fizikal dan kejutan elektrik.



- Jangan menggantikan Kepala Pancuran, Hos Pancuran atau mana-mana bahagian unit yang lain dengan alat gantian selain daripada alat gantian asli. Barangan dari model lain tidak sesuai dengan model ini dan boleh menyebabkan perkara berbahaya berlaku kepada pengguna.



- Jangan sembur air pada unit, atau meletakkan tuala basah di atasnya bagi mengelakkan dari bersentuh dengan bahagian hidup untuk menghalang dari bahaya berasap, nyalaa api, kebakaran dan kejutan elektrik.



- Hos logam/ krom dan injap kawalan konduktif tidak boleh digunakan.

PERHATIAN



- Pastikan O Ring tidak tertanggal dan bersih daripada bendasing atau kotoran untuk mengelakkan kebocoran.



- Untuk memastikan ketahanan Pam, Tuas On-Off mestilah ditekan setiap kali sebelum dan selepas mandi. Tuas On-Off hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off.



- Jangan gunakan benzena, pencair, agen pelentur dan sebagainya untuk pembersihan bagi mengelakkan bahaya berasap, nyalaa api, kebakaran dan kejutan elektrik.



- Elakkan menggunakan air yang kotor kerana ia boleh menjelaskan prestasi pemanas dan lain-lain komponen.



- Jangan sekat Kepala Pancuran dengan tangan, tuala atau melenturkan Hos Pancuran. Kadar aliran air akan menurun dan suhu air akan menjadi sangat panas.




- Jangan rosakkan lubang pada Penutup Kepala Pancuran semasa pembersihan. Pelapik Getah hendaklah dipasang pada bahagian Kepala Pancuran sebelum Penutup Kepala Pancuran dipasang balik pada Kepala Pancuran. Jangan keluarkan bahagian-bahagian selain daripada Penutup Kepala Pancuran dan Pelapik Getah.





- Untuk mengelakkan berlakunya bahaya disebabkan pemutus litar tidak beroperasi, maka produk ini tidak boleh disambungkan kepada suis luaran seperti alat penghidup masa, atau penyambungan litar yang biasanya di on dan off oleh utiliti.

2. MENGENALI BAHAGIAN-BAHAGIAN



3. AKSESORI

Penerangan:	Barangan:			
 Set Kepala Pancuran	 Kepala Pancuran (1 set)			
 Set Penyangkut Pancuran	 Hos Pancuran (1 set)	 Pemegang Batang Gelongsor (2 set)	 Penyangkut Kepala Pancuran (1 set)	
 Set Pemasangan	 Palam Dinding (6 batang)	 Pelapik Getah (2 keping)	 Skrus (6 batang)	
 Set Unit Badan Penapis	 Unit Badan Penapis (1 set)	 Pelapik Getah (1 keping)	 Lampiran Amaran Unit Badan Penapis (1 helai)	
 Batang Gelongsor	 Batang Gelongsor (1 batang)			



CARA-CARA MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK

B.MALAYSIA

PENGUNAAN






1. CARA-CARA MENGGUNAKANNYA

1. Buka Injap air utama.
2. Hidupkan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dan Suis ON/OFF DP (dwikutub).
3. Tolak ke atas Tuas Set Semula ELB sekiranya ia berada pada kedudukan bawah.
4. Laraskan Tombol Isipadu Air mengikut arah jam.
 - Putaran tombol mengikut arah jam akan meningkatkan pengaliran air dan seterusnya menurunkan suhu air.
 - Putaran tombol mengikut arah lawan jam akan mengurangkan pengaliran air dan seterusnya meningkatkan suhu air.
5. Tekan Tuas On-Off, air akan mula mengalir dari Kepala Pancuran dan Lampu ELB berwarna merah akan menyala.
 - Tekan sekali lagi untuk menghentikan pancuran (kedudukan Tuas On-Off adalah sama).
 - Tuas ini mengawal kedua-dua bekalan air dan elektrik kepada set.
 - Laraskan pada tahap pancuran yang diinginkan dengan memutar tombol Isipadu Air dan Tombol Kawalan Kuasa. Setelah itu kendalian akan mudah dilakukan dengan hanya menekan Tuas On-Off.



PERHATIAN Untuk memastikan ketahanan Pam, Tuas On-Off mestilah ditekan setiap kali sebelum dan selepas mandi. Tuas On-Off hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off.

6. Penetapan suhu
 - (a) Suhu pancuran boleh dikawal dengan malaraskan Tombol Kawalan Kuasa kepada posisi yang dikehendaki.
 - (b) Putarkan Tombol Kawalan Kuasa mengikut arah jam akan meningkatkan suhu pancuran sehingga mencapai suhu tertinggi pada kedudukan "High". Suhu pancuran boleh dikawal secara beransur-ansur.
 - (c) Jika Tombol Kawalan Kuasa pada kedudukan Off, suhu pancuran adalah sama seperti suhu air masuk.
 - (d) Dalam keadaan penggunaan berterusan pada penetapan suhu tinggi, suhu air akan meningkat dan mungkin menyebabkan alat kawalan berfungsi sementara dan mengakibatkan suhu air menurun.
7. Pilih jenis pancuran yang dikehendaki dengan Butang Pemilih Pancuran. Tekan butang sepenuhnya.
8. Kepala Pancuran boleh diubah pada pelbagai kedudukan.
 - (a) Longgarkan Tombol Penyangkut Pancuran untuk malaraskan Penyangkut Pancuran ke atas atau ke bawah. Ketatkan semula Tombol Penyangkut Pancuran.
 - (b) Longgarkan Tombol Penyangkut Pancuran dan Penyangkut Pancuran boleh diubah ke kiri atau ke kanan. Ketatkan semula Tombol Penyangkut Pancuran.
 - (c) Sudut Kepala Pancuran boleh diubah dengan menggerakkan Kepala Pancuran ke atas atau ke bawah.




2. CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR

(1) Cara malaraskan kadar pengaliran air maksima.

- Langkah 1: Tekan Tuas On-Off dan pilih Pancuran Luas pada Kepala Pancuran dengan menggunakan Butang Pemilih Pancuran (rujuk Gambarajah 1)
- Langkah 2: Tutup Injap Air Utama.
- Langkah 3: Pusingkan Kepala Pancuran menghala ke atas pada paras pinggang.
- Langkah 4: Laraskan Tombol Isipadu Air ke tahap pengaliran maksima (rujuk Gambarajah 2).
- Langkah 5: Buka Injap Air Utama sedikit demi sedikit dan laraskan ketinggian pancuran (H).
(Sekiranya ketinggian pancuran (H) tinggi, suhu air panas akan menurun akibat kadar pengaliran yang berlebihan).

Nota: 1. Beri perhatian pada suhu pancuran semasa merendahkan isipadu air. Suhu pancuran akan menjadi sangat panas jika kadar aliran air terlalu rendah.
2. Tombol Isipadu Air berada pada tahap maksima ketika ini (rujuk Langkah 4). Sila laraskan kepada kadar aliran yang bersesuaian dengan memutar tombol Isipadu Air arah lawan jam.



3. PENYENGGARAAN



AMARAN




Pastikan Pemutus Litar Elektrik dimatikan sebelum penyenggaraan.

(1) Membersihkan Penutup Set.

Pastikan Pemutus Litar Elektrik dimatikan sebelum dibersihkan.

- 1) Bersihkan dengan kain yang dilembapkan.
- 2) Jangan guna benzena, pencair, pencuci, peluntur dan lain-lain.
- 3) Jangan sembur air pada unit, atau meletak tuala basah di atasnya.
- 4) Pastikan guna kain yang sesuai untuk membersihkan permukaan Penutup Set bagi mengelakkan calar.



(2) Membersihkan Kepala Pancuran

- 1) Putarkan Penutup Kepala Pancuran arah lawan jam dan keluarkan dari Kepala Pancuran dengan tangan.
- 2) Bersihkan lubang pada Penutup Kepala Pancuran dengan menggunakan berus lembut dari semasa ke semasa. (Disyorkan seminggu sekali).



PERHATIAN




Jangan rosakkan lubang pada Penutup Kepala Pancuran semasa pembersihan. Pelapik Getah hendaklah dipasangkan pada bahagian Kepala Pancuran sebelum Penutup Kepala Pancuran dipasangkan semula pada Kepala Pancuran. Jangan keluarkan bahagian-bahagian selain daripada Penutup Kepala Pancuran dan Pelapik Getah.

(3) Pembersihan Unit Penapis (Unit Penapis dipasang pada Tombol Penapis)


Penapis Air di dalam Unit Penapis mestilah dicuci seminggu sekali. Unit Penapis mestilah dicuci sekiranya air panas tidak mengalir dengan sempurna.

Membuka, membersihkan dan memasang Unit Penapis


- ① Tutup Injap Air Utama.



- ③ Bersihkan Unit Penapis.



- ② Laraskan Tombol Isipadu Air mengikut arah jam jika ia menghalang Tombol Penapis. Pusingkan Tombol Penapis ikut arah lawan jam dan keluarkannya.




PERHATIAN



Pastikan O Ring tidak tertanggal dan bersih daripada bendasing atau kotoran untuk mengelakkan kebocoran.

- ④ Masukkan Unit Penapis dan ketatkan (ikut arah jam).

- ⑤ Laraskan Tombol Isipadu Air kembali ke posisi asal dengan merujuk kepada Cara Menyelaraskan Kadar Aliran Air di muka surat 5.



4. PANDUAN KEROSAKAN

(1) Sila periksa perkara-perkara berikut sebelum pembaikan.

Tanda-tanda	Perkara yang perlu diperiksa
Pancuran air tidak mengalir seperti biasa.	- Periksa Unit Penapis. Bersihkan Penapis jika ianya tersumbat dengan kekotoran (rujuk Pembersihan Unit Penapis di muka surat 6) - Periksa Kepala Pancuran dan Penutup Kepala Pancuran. Bersihkan Kepala Pancuran jika ada kekotoran (rujuk Membersihkan Kepala Pancuran di muka surat 6).
Tiada air panas mengalir keluar dari saluran keluar (tiada aliran elektrik ke unit)	- Pastikan Tuas On-Off ditekan dan berada pada keadaan "On". - Pastikan Tuas Set Semula ELB tidak menggelongsor ke bawah. Tolak Tuas Set Semula ELB ke atas untuk ke keadaan asal (lihat CARA-CARA MENGUJI di muka surat 11). - Pastikan Suis ON/OFF DP (dwikutub) dihidupkan. - Pastikan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dihidupkan.
Tiada air mengalir keluar dari Kepala Pancuran.	- Periksa Injap Air Utama, buka Injap Air Utama sekiranya tertutup (rujuk CARA-CARA MENGGUNAKANNYA di muka surat 5). - Periksa keadaan panel Lampu ELB (Merah). - Lampu merah padam. Periksa Tuas On-Off sekiranya Lampu merah masih tidak menyala, jangan gunakan unit dan sila hubungi wakil penjual anda dengan segera.
Air tidak cukup panas.	Sila rujuk CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR di muka surat 5.

(2) Jika anda mendapati keadaan seperti berikut semasa menggunakan peralatan ini, jangan gunakan unit dan sila hubungi wakil penjual anda dengan segera.

- 1) Kebocoran air
- 2) Tiada pengaliran air.
- 3) Suhu air tidak dapat dikawal.
- 4) Lampu ELB tidak menyala.

(3) Kemahiran tertentu diperlukan untuk memperbaiki peralatan ini. Oleh itu jangan sekali-kali cuba membaikinya sendiri.

5. SPESIFIKASI

Voltan	240 V a.c. 50 Hz
Penggunaan Kuasa	3600 W
Pemilih Kuasa	Suhu Air Semasa (OFF), 1000 W ~ 3600 W
Tekanan Air Minima	4.9 kPa / 0.05 kgf/cm ² / 0.7 psi
Tekanan Air Maksima	380 kPa / 3.87 kgf/cm ² / 55 psi
Ukuran	420(H) mm x 185(W) mm x 85(D) mm
Berat	2.8 kg
Sistem Keluaran	Sistem Punca Tunggal (Keluaran Terbuka)

CARA MEMASANG PANCURAN MANDI ELEKTRIK

⚠️ AMARAN

- Saiz Kabel Fleksibel dan pendawaian elektrik mestilah dipasang dengan sempurna untuk mencegah bahaya berasap dan kebakaran.
- Semasa proses pemasangan, pastikan sumber elektrik dan air telah ditutup.
- Pancuran mandi ini hendaklah disambung secara kekal ke bekalan elektrik menerusi Suis ON/OFF DP (dwikutub) yang mempunyai pemisahan sesentuh sekurang-kurangnya 3 mm pada semua kutub yang digabungkan dalam pendawaian tetap. Suis ini hendaklah dipasangkan dengan jelas tetapi jauh dari jangkauan pengguna.




Unit ini perlu dibumikan.

Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.



- Jangan memasang Unit Badan Penapis pada saluran keluar kerana air pada saluran masuk tidak dapat ditapis dan mengakibatkan bendasing untuk masuk ke dalam unit. Ini akan menyebabkan Unit Pemanas dan Kepala Pancuran tersumbat.
- Jangan memasang, menanggalkan, atau memasang semula unit dengan sendiri. Pemasangan yang tidak betul akan mengakibatkan kebocoran air, kejutan elektrik, atau kebakaran. Pemasangan dan pendawaian haruslah dilakukan oleh pekerja yang mahir.
- Perkongsian paip untuk air masuk dan keluar adalah dilarang. Tekanan air akan berkurang sekiranya terdapat air keluar pada saluran yang lain. Air akan menjadi sangat panas.



⚠️ PERHATIAN



- Kabel fleksibel harus dimasukkan ke unit melalui bahagian yang sedia ada sahaja (jangan membuat lubang tambahan).

1. SEBELUM PEMASANGAN DIBUAT


(1) Pastikan tekanan air.

Tekanan air minima 4.9 kPa / 0.05 kgf/cm² / 0.7 psi

Tekanan air maksima 380 kPa / 3.87 kgf/cm² / 55 psi

- Cara mengukur tekanan air seperti dalam gambarajah.

Air hendaklah mengalir keluar dari Hos setinggi 2.0 m dari Injap Air Utama.



Nota: Apabila mengeluarkan unit dari bungkusan, kemungkinan ada kehadiran sedikit air di dalamnya. Ini adalah biasa kerana unit-unit diuji semasa proses pembuatan.

2. CARA MEMASANG



AMARAN



Semasa proses pemasangan, pastikan sumber elektrik dan air telah ditutup.

1. Dimana unit ini perlu dipasang.

- Pastikan unit ini dipasangkan pada dinding seperti dalam Gambarajah 1 (keadaan menegak sahaja).
- Jangan memasang unit jauh dari permukaan dinding seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2.
- Unit hendaklah dipasang 1.5 m ~ 1.7 m dari atas lantai.



Tangki Air Sejuk

Injap Perkhidmatan

Peningkatan Paip Utama

Jarak maksimum di antara dasar tangki air sejuk dan puncak Unit Pancuran Mandi hendaklah tidak melebihi 33 kaki (10 meter)

- * Ukuran maksimum bagi paip pembekal tidak melebihi 10 meter.
- * Saiz paip pembekal seharusnya 1/2 inci.



Gambarajah 1

Gambarajah 2


2. Menanggalkan Penutup Set.

- 1 Pastikan Tombol Kawalan Kuasa berada di posisi "Off".
- 2 Keluarkan skru dari bahagian bawah unit.
- 3 Tanggalkan Penutup Set dari bahagian bawah dahulu diikuti dengan bahagian atas.




Tombol Kawalan Kuasa

Nota
Tombol Kawalan Kuasa adalah terpasang pada Penutup Set.



3. Cara memasang Pancuran Mandi Elektrik.


- 1 Unit hendaklah berjarak sekurang-kurangnya 250 mm di sebelah kiri dan kanan dinding.
- 2 Gerudi 4 lubang pada dinding (merujuk Rajah 1).
- 3 Masukkan Palam Dinding ke dalam lubang.




Rajah 1

- 4 Kabel Fleksibel hendaklah dimasukkan ke dalam unit menerusi (4a) atau (4b) seperti gambarajah di bawah untuk proses pendawaian elektrik dilakukan.

4a) Koyakkan Getah Penutup pada bahagian tepi set dan masukkan Kabel Fleksibel.



4b) Kabel Fleksibel dimasukkan dari belakang Penutup Belakang (sila pecahkan bahagian berkenaan).




PERHATIAN




Kabel fleksibel harus dimasukkan ke unit melalui bahagian yang sedia ada sahaja (jangan membuat lubang tambahan).

- 5 • Unit hendaklah dipasang ke dinding dengan 4 skru.
• Masukkan Skru ke kedua-dua Palam Dinding melalui lubang skru pada bahagian atas Penutup Belakang unit.
• Selepas mengetatkan kedua-dua Skru pada bahagian atas, ketatkan Skru yang selebihnya pada bahagian bawah Penutup Belakang Unit.



- 6 Periksa sama ada Unit diikat dengan ketat dengan menggerakkan Unit ke kiri dan kanan.

Nota: Penutup Belakang Unit mesti diketatkan dengan 4 Skru.



4. Pendawaian elektrik



AMARAN



Saiz Kabel Fleksibel dan pendawaian elektrik mestilah dipasang dengan sempurna untuk mencegah bahaya berasap dan kebakaran.




AMARAN




Pancuran mandi ini hendaklah disambung secara kekal ke bekalan elektrik menerusi Suis ON/OFF DP (dwikutub) yang mempunyai pemisahan sesentuh sekurang-kurangnya 3 mm pada semua kutub yang digabungkan dalam pendawaian tetap. Suis ini hendaklah dipasang dengan jelas tetapi jauh dari jangkauan pengguna.

- 1 Pendawaian Kabel Fleksibel disambungkan ke ELB di dalam unit: 2.5 mm², Kabel Fleksibel 3 teras.




- 2 Buka Pemegang Kabel dan pasang Kabel Fleksibel. Buangkan Penyalut Wayar di bahagian hujungnya. Ketatkan wayar hidup (L) dan wayar neutral (N) pada ELB (L, N) dan wayar bumi pada Pasak Bumi dengan menggunakan daya kilas 1 N.m (10 kgf.cm). Pasang semula Pemegang Kabel untuk memegang Kabel Fleksibel.



③ Sambungkan wayar pada kekutuban yang betul (L,N).

- Sambungan wayar pada arah kekutuban yang salah (L,N) akan menyebabkan litar konduksi kutub tidak berfungsi seperti biasa dan boleh menyebabkan kebocoran elektrik, kebakaran dan sebagainya.
- Terlebih dahulu periksa arah kekutuban (L,N) sebelum pendawaian berpandukan alat uji julat voltan atau meter volt dengan menyambungkan satu terminal meter ke bumi, biarkan terminal yang satu lagi menyentuhkan tiap-tiap terminal bekalan kuasa.
- Apabila jarum meter banyak terpesong, arah kekutuban terminal bekalan kuasa adalah 'L'.



④ Rod Bumi




AMARAN



Unit ini perlu dibumikan.


Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.

- Unit ini hendaklah dibumikan.
- Cara memasang Rod Bumi. Pilih permukaan bumi yang sesuai untuk menanam Rod Bumi (DQ-6H) Rod Bumi hendaklah ditanam sekurang-kurangnya 70 cm ke dalam permukaan tanah.
- Tentukan rintangan tanah kurang daripada 100 Ω . Jika rintangan tanah tidak kurang daripada 100 Ω , tanam Rod itu lebih dalam atau gunakan 2 atau 3 Rod.



5. Cara-cara pemasangan paip


- Letakkan Pelapik Getah di antara Unit Badan Penapis dan Paip Mudah Lentur. Jangan guna Pita Paip. **Ketatkan dengan Sepana.**
- Letakkan Pelapik Getah di antara Unit Badan Penapis dan Bahagian Utama. Jangan guna Pita Paip. **Ketatkan dengan tangan.**
- Letakkan Pelapik Getah di antara Hos Pancuran dan Bahagian Utama. Jangan guna Pita Paip. **Ketatkan dengan tangan.**
- Letakkan Pelapik Getah di antara Hos Pancuran dan Kepala Pancuran. Jangan guna Pita Paip. **Ketatkan dengan tangan.**
- Unit Badan Penapis hendaklah dipasang mengarah ke hadapan unit.



	AMARAN	Penyambung perkongsian paip adalah dilarang. Tekanan air akan berkurang sekiranya terdapat air keluar pada saluran yang lain. Air akan menjadi sangat panas.
--	---------------	---

	PERHATIAN	Elakkan menggunakan air yang kotor kerana ia boleh menjejaskan prestasi pemanas dan lain-lain komponen.
--	------------------	--

NOTA:	Pastikan tiada kebocoran air pada sambungan paip.
NOTA:	Apabila gam digunakan untuk sambungan paip luar, mestilah tunggu gam kering sebelum ujian dengan air diteruskan.




6. Menutup Penutup Set

- Pastikan Tombol Kawalan Kuasa berada pada posisi "Off".
- Pastikan slot Penutup Tombol Kawalan Kuasa dan "D-Cut" Batang VR berada seperti posisi yang ditunjukkan (keadaan Off).
- Tutupkan Penutup Set seperti susunan yang ditunjukkan pada gambarajah.
- Tolak Tombol Kawalan Kuasa sehingga ia dimasukkan sepenuhnya. <Tombol Kawalan Kuasa tidak dapat dimasukkan sekiranya Langkah 1 dan Langkah 2 tidak dilakukan secara betul>
- Sila putar ikut arah jam sehingga "High" dan ikut arah lawan jam sehingga "Off" untuk memastikan tombol dimasukkan sepenuhnya ke slot Penutup Tombol Kuasa yang berada di dalam.
- Pasang Skru pada bahagian bawah unit.

Nota:

- Jangan tekan Butang Ujian ELB semasa menutup Penutup Set.
- Jangan menggunakan daya yang kuat semasa memasukkan Tombol Kawalan Kuasa ketika menutup Penutup Set kerana ini akan merosakkan bahagian suis di dalam unit.




7. Pemasangan Penyangkut Pancuran.

① Pasangkan kedua Pemegang Batang Gelongsor supaya kedudukan Kepala Pancuran tidak melebihi bahagian atas unit. Pastikan permukaan dinding untuk pemasangan Pemegang Batang Gelongsor adalah sama rata. Jika tidak sama rata, sila gunakan pelapik (tidak disertakan) semasa memasang aksesori tersebut.	② Pasang Pemegang Batang Gelongsor Atas pada dinding tetapi tidak melebihi bahagian atas unit. Ketatkan Pemegang Batang Gelongsor Atas dengan 1 skru.	③ Sediakan Penyangkut Pancuran dan Batang Gelongsor, tanggalkan Tombol Penyangkut Pancuran dengan memusingkannya (arah lawan jam) kemudian pasangkan mengikut urutan (1), (2), (3) dan (4). Nota: Pastikan lubang Penyangkut Pancuran (1) selari dengan lubang Penyangkut Pancuran (2) dan masukkan Batang Gelongsor.	
④ Ketatkan Penyangkut Pancuran dengan Tombol Penyangkut Pancuran. * Penyangkut Pancuran akan jatuh sekiranya tombol dilonggarkan.	⑤ Pasangkan Pemegang Batang Gelongsor Atas dan Bawah dengan Alur pada Batang Gelongsor dimasukkan kepada permukaan yang tertimbul pada Pemegang Batang Gelongsor. Ketatkan Pemegang Batang Gelongsor Bawah dengan 1 skru. (Pastikan untuk memasukkan Palam Dinding ke dalam lubang skru).	⑥ Tutup kedua-dua Pemegang Batang Gelongsor dengan Penutup Pemegang Batang Gelongsor.	⑦ Laraskan Penyangkut Pancuran pada kedudukan yang dikehendaki dan sangkutkan Kepala Pancuran seperti dalam gambarajah di bawah.

3. CARA-CARA MENGUJI

- Periksa Pendawaian sebelum elektrik dibekalkan.
 - Hidupkan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dan Suis ON/OFF DP (dwikutub).
 - Hidupkan ELB pada unit (tolak Tuas Set Semula ELB ke atas).
 - Tekan Butang Ujian ELB.
 - ELB adalah di dalam keadaan baik apabila ianya pada kedudukan "Off" (Tuas Set Semula ELB akan menggelongsor ke bawah) dan tolak Tuas Set Semula ELB ke atas. Sila rujuk gambarajah.
 - Pemeriksaan ke atas Pemutus Litar Bocor ke Bumi (ELB) terbina hendaklah dilakukan sebulan sekali untuk mengelakkan bahaya kepada pengguna seperti kerosakan kepada harta benda, kecederaan parah atau kematian.

AMARAN	Jika Tuas Set Semula ELB tidak boleh berfungsi walaupun anda tolak ia ke atas atau Tuas Set Semula ELB terus menggelongsor ke bawah semasa kendalian, jangan gunakan unit dan hubungi wakil penjual dengan segera. Jangan sekali-kali mengikat Tuas Set Semula ELB secara paksa dengan pita pelekat dan sebagainya.
----------------------	---



- Buka Injap Air Utama.
 - Laraskan Tombol Isipadu Air mengikut arah jam.
 - Periksa sekiranya ada kebocoran air daripada Saluran Paip.
- Tekan Tuas On-Off sekali, panel Lampu ELB akan menyala dan air akan mula mengalir keluar dari Kepala Pancuran.
 - Pusingkan Tombol Kawalan Kuasa ikut arah jam dan air panas akan mengalir keluar dari Kepala Pancuran. (Laraskan kepada suhu air yang bersesuaian).
- Sila rujuk CARA-CARA MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK dan CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN pada muka surat 5.

CONTENTS

	Page No.
BEFORE USING ELECTRIC HOME SHOWER	12
1. SAFETY INSTRUCTIONS	12
2. PARTS IDENTIFICATION	14
3. ACCESSORIES	14
HOW TO USE ELECTRIC HOME SHOWER	15
1. HOW TO USE	15
2. WATER FLOW RATE ADJUSTMENT	15
3. MAINTENANCE	16
4. TROUBLESHOOTING	17
5. SPECIFICATION	17
HOW TO INSTALL ELECTRIC HOME SHOWER	18
1. BEFORE INSTALLATION	18
2. HOW TO INSTALL	18
3. TEST OPERATION	21
WARRANTY CARD	Last Page

BEFORE USING ELECTRIC HOME SHOWER

1. SAFETY INSTRUCTIONS

SAFETY INSTRUCTIONS To be followed absolutely

Before operating, please read the following "Safety Instructions" carefully.

To prevent personal injury, injury to others and property damage, the following instructions must be followed.

- Incorrect operation caused by failure to follow instructions will cause harm or damage, the seriousness of which is classified as follow:



WARNING

This sign warns of death or serious injury.



CAUTION

This sign warns of injury to users or damage to property.

- The instructions to be followed are classified by the following symbols:



This symbol (with a white background) denotes an action that is **PROHIBITED**.



This symbol (with a black background) denote action that is **COMPULSORY**.

⚠ WARNING

! Stop using the Unit when any abnormality/failure occurs and turn "OFF" the Miniature Circuit Breaker (MCB). (Risk of smoke/fire/electric shock/scalding)

Example of abnormality/failure

- The ELB Reset Lever cannot be reset. Please refer to item no. 3. TEST OPERATION at page 21.
- Burnt odor or smoke is detected during operation.
- The Front Plate/Back Plate is deformed or abnormally hot.
- The outlet water temperature become extremely hot and cannot be controlled using the Power Control Knob.

Contact your authorized dealer immediately for maintenance/repair.



• The Unit must be earthed.

Improper grounding could cause electric shock.



- Switch off the Miniature Circuit Breaker (MCB) before any service.



- In time of lightning/ thunder, switch "OFF" the Miniature Circuit Breaker (MCB) in advance to protect the shower Unit against possible damage.



- Inspect on the built-in ELB (once a month) to avoid a hazard to users such as damage to property, serious injury or death. Please refer to item no. 3. TEST OPERATION at page 21.



- Each time shower water is turned 'ON', check the water temperature by hand before showering.



- When the shower is used by someone such as child, old person, sick person and physically handicapped person, the person responsible for their safety is kindly requested to pay attention and check the shower temperature by using hand from time to time.



- Pay attention to shower temperature when reducing the volume of water.
The shower temperature will become very hot if the water flow rate is too low.



- This appliance is not intended for use by persons (including children) with reduced physical, sensory or mental capabilities, or lack of experience and knowledge, unless they have been given supervision or instruction concerning use of the appliance by a person responsible for their safety. Children should be supervised to ensure that they do not play with the appliance.



- If the ELB Reset Lever cannot be reset even if you push it up or if it soon slides down during operation, please do not use the Unit and contact the authorized dealer immediately. Never fix the ELB Reset Lever forcibly with tape, etc.




- Do not insert finger or other objects into the electric home shower Unit to avoiding physical and electric shock hazards.



- Do not replace the Shower Head, Shower Hose or any other parts of the Unit with spare parts other than genuine parts.
Parts for other models will not fit to this model and may cause hazardous condition to user.



- Do not spray water to the Unit, nor put wet towels on it to avoid from coming into contact with any live parts etc., in order to prevent smoke emission, ignition, fire and electric shock hazards.




- Metallic/chrome hose and conductive valve shall not be used.

⚠ CAUTION



- Please make sure the O Ring is not removed and shall be free from foreign particle to avoid water leaking.



- To ensure Pump reliability, Push On-Off Button must be pressed before and after each shower. Do not pull the Push On-Off Button, press only.




- Never use benzene, thinner, bleaching agent, etc. for cleaning purpose to avoid smoke emission, ignition, fire and electric shock hazards.




- Avoid using dirty water as it may affect heater performance and other components.



- Do not block the Shower Head with hand, towel or bend the hose. The water flow rate will drop and water temperature may become very hot.



- Take care not to damage the holes of the Shower Plate during the cleaning. The Rubber Packing shall be set on the Shower Head before fixing back the Shower Plate to Shower Head. Do not remove part other than Shower Plate and Rubber Packing.




- In order to avoid a hazard due to inadvertent resetting of the thermal cut-out, this appliance must not be supplied through an external switching device, such as a timer, or connected to a circuit that is regularly switched on and off by the utility.



ENGLISH

BEFORE USING

2. PARTS IDENTIFICATION





3. ACCESSORIES

Description:	Items:			
 Shower Head Packing	 Shower Head (1 set)			
 Shower Hanger Packing	 Shower Hose (1 set)	 Rail Holder (2 set)	 Shower Hanger Ass'y (1 set)	
 Installation Packing	 Wall Plug (6 pcs)	 Rubber Packing (2 pcs)	 Screws (6 pcs)	
 Filter Body Packing	 Filter Body Assembly (1 set)	 Rubber Packing (1 pc)	 Filter Body Assembly Caution Sheet (1 pc)	
 Sliding Rail	 Sliding Rail (1 pc)			

HOW TO USE ELECTRIC HOME SHOWER

1. HOW TO USE

1. Turn "On" the Main Water Valve.
 2. Switch "On" the Miniature Circuit Breaker (MCB) and ON/OFF DP (double pole) Switch.
 3. Push the ELB Reset Lever if it is down.
 4. Turn Water Volume Knob to clockwise.
 - Turning it clockwise increases the volume of water thus decrease the water temperature.
 - Turning it anticlockwise decreases the volume of water thus increase the water temperature.
 5. Press the Push On-Off Lever, water will start flowing from the Shower Head and the ELB light will turn red.
 - To stop the water flow, press the Push On-Off Lever again (the position of the Push On-Off Lever remains the same).
 - This button controls both water and electricity supply to the set.
 - Adjust to the desired shower condition by operating the Water Volume Knob and the Power Control Knob.
- Then the operation can be made easily by pushing the Push On-Off Lever only.






CAUTION



To ensure Pump reliability, Push On-Off Lever must be pressed before and after each shower.
Do not pull the Push On-Off Lever, press only.

6. Temperature setting
 - (a) The shower temperature can be gradually controlled by setting the Power Control Knob to the desired position.
 - (b) If you turn the Power Control Knob clockwise the shower temperature will go up, reaching the highest temperature at "High". The temperature can be gradually controlled.
 - (c) If the Power Control Knob is at "Off" position, the water temperature will remain at inlet temperature.
 - (d) In case of continuous usage at high temperature setting, water temperature will increase and it may cause the control device in the set to activate temporarily resulting water temperature to drop.
7. Select the preferred shower with the Shower Select Button. Please press the button fully.
8. Shower head can be set to various position.
 - (a) Loosen Shower Hanger Knob and adjust higher or lower.
Tighten Shower Hanger Knob.
 - (b) Loosen Shower Hanger Knob and Shower Hanger can be adjusted to the left or right.
Tighten Shower Hanger Knob.
 - (c) The angle of Shower Head can be adjusted by moving the Shower Head upper or lower.




2. WATER FLOW RATE ADJUSTMENT

(1) How to adjust to maximum water flow rate.

- Step 1: Push the Push On-Off Lever and select Wide Shower type on the Shower Head using the Shower Select Button (refer Figure 1).
- Step 2: Turn "Off" the Main Water Valve.
- Step 3: Turn the Shower Head upward at waist height.
- Step 4: Turn the Water Volume Knob to maximum position (refer Figure 2).
- Step 5: Gradually "On" the Main Water Valve and adjust the splashing height (H) of the shower.
It is recommended to adjust the water splashing height (H) at 100 cm ~ 110 cm (approximately 3 L/min).
(If splashing height (H) is too high, hot water temperature will drop because of an excessive flow rate).

Note:

1. Pay attention to shower temperature when reducing the volume of water.
The shower temperature will become very hot if the water flow rate is too low.
2. Water Volume Knob is at maximum position at this stage (refer Step 4).
Please adjust it to suitable flow rate using the Water Volume Knob by turning it anticlockwise.



3. MAINTENANCE



WARNING




Switch “OFF” the Miniature Circuit Breaker (MCB) before service.

(1) Main Body cleaning.

Be sure to switch “OFF” the Miniature Circuit Breaker beforehand.

- 1) Clean it with moist cloth.
- 2) Never use benzene, thinner, detergent, bleach, etc.
- 3) Do not spray water to the unit, not put wet towels on it.
- 4) Make sure to use suitable cloth to clean the Front Plate surface to avoid scratch.



(2) Shower Head cleaning.

- 1) Turn the Shower Plate anticlockwise and remove it from the Shower Head with hand.
- 2) Clean the Shower Plate's holes by using a soft brush from time to time. (Recommended once a week).



CAUTION




Take care do not damage the holes of the Shower Plate during the cleaning. The Rubber Packing shall be set on the Shower Head before fixing back the Shower Plate to Shower Head. Do not remove other parts other than Shower Plate and Rubber Packing.

(3) Filter Unit Cleaning (Filter Unit is fixed to Filter Knob)


Clean the Filter of the Filter Unit with water once a week.
Clean the Filter Unit when hot water is not drawn normally.

Dismantle, cleaning and assemble of Filter Unit


- ① Close the Main Water Valve.



- ③ Clean the Filter Unit.



- ② Turn Water Volume Knob clockwise if it is blocking the Filter Knob. Turn the Filter Knob anticlockwise and pull it out.




CAUTION



